
Penguasaan Bacaan Al-Quran dan Cabarannya dalam Kalangan Pelajar Politeknik

Hasani binti Ghazali¹, Rosmawati binti Razak²

¹ Politeknik Nilai, Nilai Negeri Sembilan, Malaysia
E-mail: hasanighazali18@gmail.com

^{2,3} Politeknik Nilai, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
E-mail: rosmawatibintirazak@gmail.com

Abstrak

Al-Quran adalah kitab yang menjadi panduan dan rujukan setiap individu muslim. Penurunan ayat al-Quran telah memberi penekanan terhadap beberapa aspek termasuklah pembacaan al-Quran itu sendiri. Ini dapat dilihat melalui wahyu pertama yang diturunkan di dalam surah al-A'laq (ayat 1-5) yang menyebut tentang *iqra'* iaitu suruhan membaca. Dapat difahami melalui ayat tersebut bahawa membaca al-Quran adalah amat dituntut dalam Islam kerana al-Quran merupakan kalam Allah SWT yang diturunkan kepada Rasulullah SAW untuk dibaca, dikaji, difahami dan diamalkan perintah-perintah yang terkandung di dalamnya. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis kandungan dan kajian perpustakaan serta data-data yang berkaitan dengan kajian untuk mendapatkan maklumat. Dapatan kajian menunjukkan terdapat pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran di Malaysia seperti kaedah Baghdiyah, kaedah Iqra', kaedah al-Hira', teknik al-Baghdadi, kaedah Haraki dan kaedah al-Matien. Kesemua kaedah dan teknik ini bermatlamat untuk memudahkan penguasaan bacaan al-Quran kepada setiap individu muslim. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan terdapat beberapa faktor kelemahan penguasaan bacaan al-Quran di peringkat sekolah rendah dan menengah dalam kemahiran asas bacaan al-Quran seperti menyebut mahraj huruf, mengenal tanda bacaan dan hukum tajwid telah memberi kesan kepada tahap kebolehan menguasai bacaan al-Quran di peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPTA), guru kurang kemahiran dalam menguasai bidang bacaan al-Quran kerana bukan bidang pengkhususan, tiada penekanan daripada ibu bapa, pengajaran yang kurang efektif dan ketiadaan alat bantu mengajar yang berkesan. Kesimpulannya, dengan cabaran yang telah dikenalpasti dalam usaha menguasai bacaan al-Quran, wujud keperluan untuk membina satu modul pengajaran dan pembelajaran melalui aplikasi i-SMART QURRA' bagi memastikan penguasaan bacaan al-Quran pelajar berada di tahap yang lebih baik.

Kata Kunci: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bacaan al-Quran, Cabaran Penguasaan Bacaan al-Quran

Abstract

Al-Quran is a holy book that is regarded as guidance and reference for every Muslim. The reduction of the verses of the Quran has emphasized several aspects including the reading of the Quran itself. This can be seen through the first revelation revealed in surah al-A'laq (verses 1-5) which mentions *iqra'*, the order to read. It can be understood through the verse that reading the Qur'an is highly demanded in Islam because the Qur'an is the sacred scripture of Allah SWT which was revealed to the Messenger of Allah (PBUH) to be read, studied, understood and practiced the commands contained in it. The methodology of this study is based on qualitative methods, by analyzing the content of texts and library studies as well as data related to the study to obtain information. The research findings show that there are various methods of teaching and learning the Quran in Malaysia such as the Baghdiyah method, the Iqra' method, the al-Hira' method, the al-Baghdadi technique, the Haraki method and the al-Matien method. All these methods and techniques aim to facilitate the mastery of reciting the Qur'an for every individual Muslim. In addition, the findings of the study also showed that there are several weak factors in the mastery of reciting the Qur'an at the primary and secondary school levels in the basic skills of reciting the Qur'an such as pronouncing the mahraj letters, knowing the reading marks and tajwid law have had an impact on the level of ability to complete the recitation of the Qur'an Quran at the Institute of Higher Education (IPTA) level, teachers lack skills in reading the Qur'an because it is not a specialized field, there is no emphasis from parents, less effective teaching and the absence of effective teaching aids. In conclusion, with the challenges that have been identified in the effort to master the recitation of the Quran, there is a need to build a teaching and learning module through the i-SMART QURRA' application to ensure that students master the recitation of the Quran at a better level.

Keywords: Methods of Teaching and Learning reciting Al-Quran, The Challenges of Mastering reciting Al-Quran